

UTILIZATION OF OUTPATIENT HEALTH SERVICES AMONG ADULT AND FACTORS AFFECTING IT IN BACHOK DISTRICT, KELANTAN (FEBRUARY 1996- MAC 1996), 1996

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT LUAR DIKALANGAN PENDUDUK DEWASA DI JAJAHAN BACHOK, KELANTAN DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA (FEBRUARI 1996-MAC 1996), 1996

Abu Bakar Awang Ngah, Mohd Hatta Md. Ramli

ABSTRACT

A cross sectional study to determine factors affecting the utilization of outpatient services among adult, aged 18 years and above was carried out in 7 villages near to health centres in two districts in Bachok, Kelantan. Information was collected on sociodemographic and socioeconomic factors, availability of own transport, health status within the period of one month, self-treatment, knowledge and satisfaction about various dimension of health services at health centres and subsequent use of health services. Out of 1201 respondents, 382 (31.8%) had at least one episode of acute illness and 163 (13.6%) had at least one type of chronic illness. Utilization rate of outpatient services of all facilities was 23.1 %. Utilization rate of nearby health centers was 14.8%. There was a significant association between age of respondent, marriage status, education status, ownership of vehicle, health status and self-treatment with utilization of outpatient services. It was also significant association between certain dimension of satisfaction and knowledge towards health services and utilization of nearby health centres. The knowledge and satisfaction toward health centres and health services as a whole did not appear to be important factors on utilization. There was only certain variables related to health status and self-treatment continued to be significantly related to utilization when other variables were taken into account. Utilization of outpatient services at nearby health centres also was found to be significantly related with satisfaction towards competency of health staff and knowledge of the availability of referral system There is a need to carry out indepth study on self-care practices among public. Certain aspect of quality of health services at health centres also need to be improved.

ABSTRAK

Satu kajian irisan lintang untuk mengkaji penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya telah dilakukan di kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas di tujuh buah kampung yang berdekatan dengan pusat kesihatan di dua buah daerah di Jajahan Bachok, Kelantan. Maklumat diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik berpandu bagi mengetahui faktor-faktor sosiodemografi dan sosioekonomi, pemilikan kenderaan, status kesihatan, amalan rawatan sendiri, penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit luar di semua kemudahan kesihatan, tahap pengetahuan dan kepuasan terhadap perkhidmatan di pusat kesihatan yang terdekat. Dari jumlah 1201 orang responden, seramai 382 orang (31.8%) telah mengalami sekurang-kurangnya satu episod sakit akut dalam masa satu bulan dan 163 orang (13.6%) mempunyai sekurang-kurangnya satu jenis penyakit kronik. Penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit luar di kalangan penduduk di semua kemudahan kesihatan ialah sebanyak 23.1 %. Penggunaan perkhidmatan pesakit luar di pusat kesihatan terdekat ialah 14.8%. Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang bererti di antara faktor umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pemilikan kenderaan, status kesihatan dan amalan rawatan sendiri dengan penggunaan perkhidmatan pesakit luar. Tahap pengetahuan dan kepuasan terhadap dimensi tertentu perkhidmatan mempunyai hubungan yang bererti dengan penggunaan di pusat kesihatan terdekat. Tahap pengetahuan dan tahap kepuasan secara keseluruhannya tidak ada hubungan yang bererti dengan penggunaan. Setelah diambil kira kesemua faktor yang ada hubungan bererti dengan penggunaan hanya faktor tertentu yang berkaitan dengan status kesihatan dan amalan rawatan sendiri mempunyai pengaruh terhadap penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit luar. Penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit luar di pusat kesihatan juga dipengaruhi oleh kepuasan terhadap kemahiran kakitangan dan pengetahuan terhadap adanya sistem rujukan. Kajian yang lebih mendalam tentang amalan rawatan sendiri di kalangan masyarakat adalah perlu. Aspek tertentu kualiti perkhidmatan di pusat kesihatan juga perlu dipertingkatkan.